

Kempen ‘Siap, Sedia, Raya’ Sime Darby Property Capai RM572 Juta Tempahan Jualan

- 662 unit hartanah kediaman ditempah di 14 perbandaran semasa tempoh kempen;
- Kebanyakan sumbangan datang daripada produk yang baru dilancarkan iaitu Elmina Green Four, diikuti oleh Lyra 2, Hevea Phase 2;
- Planters’ Haven di Negeri Sembilan dan Harmoni Permai di Bandar Universiti Pagoh, Johor turut terbukti popular di kalangan pembeli rumah Koridor Selatan.

ARA DAMANSARA, 11 JUN 2021 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) telah berjaya memperolehi tempahan jualan bagi 662 unit hartanah dan rumah kediaman di 14 perbandaran milik Syarikat sepanjang kempen ‘Siap, Sedia, Raya’. Kempen yang telah berlangsung dari 15 April sehingga 31 Mei 2021 telah merekodkan nilai memberangsangkan sebanyak RM572 juta.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata rancangan pelancaran taktikal Syarikat dan insentif Kempen Pemilikan Rumah (“HOC”) 2021 yang dijalankan oleh Kerajaan terbukti menjadi gabungan yang hebat untuk kempen ini. Faktor sokongan lain seperti Kadar Dasar Semalaman (“OPR”) yang rendah, pengecualian duti setem dan penghapusan 70% margin had pembiayaan bagi harta kediaman ketiga juga turut menyumbang kepada kejayaan kempen ini.

“Pencapaian ini adalah susulan daripada pengambilan jualan menggalakkan pada kadar lebih 90% yang telah diperolehi Syarikat sejak awal tahun ini. Strategi jualan dan rancangan pemasaran kami dalam menawarkan produk yang selaras dengan keperluan lokasi, serta yang paling penting, jualan pada titik harga yang tepat telah terbukti berkesan. Dengan lanjutan HOC yang diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini, kami menantikan sambutan yang sama untuk pelancaran Syarikat yang akan datang sepanjang tahun ini,” kata beliau.

Dato’ Azmir menambah, “Berdasarkan trend pembelian pelanggan, kami meramalkan permintaan untuk produk jenis kediaman bertanah akan semakin meningkat dan Sime Darby Property akan berusaha untuk memenuhi kehendak pelanggan kami dengan produk baharu dan sedia ada.”

Pelancaran terbaharu Sime Darby Property iaitu hartanah kediaman berstatus pegangan bebas terbukti popular di kalangan pembeli rumah. Sebanyak 187 unit Elmina Green Four bernilai RM144 juta dan 32 unit Hevea Phase 2 bernilai RM67 juta telah terjual di City of Elmina, Shah Alam. Kesemua unit kediaman Elmina Green Four dilengkapi dengan binaan yang sesuai untuk golongan muda dan pelbagai generasi keluarga, serta mereka yang ingin menaik taraf kediaman mereka. Kediaman berkembar dua tingkat, Hevea Phase 2, yang dilengkapi dengan dua bilik tidur utama di tingkat bawah pula direka untuk mempromosikan gaya hidup umpama di rumah satu tingkat.

Lyra 2 di Bandar Bukit Raja turut popular di kalangan bakal pembeli dengan 93 unit terjual dengan jumlah tempahan sebanyak RM68 juta. Dengan rekabentuk baik dan luas, kediaman dua tingkat berangkai Lyra 2 turut terletak di lokasi strategik yang berdekatan dengan Taman Bandar Bukit Raja, sekolah dan kemudahan komersial di Klang.

KLGCC Resort menawarkan alamat berprestijnya melalui Senada Residences dan East Residence Courtyard Villa dan masing-masing membawa masuk tempahan jualan sebanyak RM19 juta dan RM14 juta. Kediaman berservis, The Ridge di KL East juga telah menerima tempahan jualan bagi 46 unit yang membawa nilai sebanyak RM32 juta.

Koridor Selatan turut terbukti popular dikalangan pembeli rumah dengan mencatatkan tempahan jualan bagi 18 unit yang bernilai RM25 juta di Planters' Haven, Negeri Sembilan; 19 unit Harmoni Permai di Bandar Universiti Pagoh, Johor turut ditempah semasa kempen dijalankan.

Kempen 'Siap, Sedia, Raya' menawarkan pembeli rumah sehingga RM10,000* tawaran Hari Raya di samping pakej jualan semasa untuk hartanah terpilih di City of Elmina, Bandar Bukit Raja, Ara Damansara, Subang Jaya City Centre, Putra Heights, KL East Mall, Melawati, KLGCC Resort, Serenia City, Nilai Impian, Planters' Haven, Chemara Hills, Bandar Ainsdale dan Bandar Universiti Pagoh. Tawaran itu termasuk faedah daripada 'Your Instalments on Us' sehingga 36 bulan di hartanah terpilih di samping kempen HOC Kerajaan.

Bakal pembeli rumah juga turut menikmati pengalaman pembelian yang mudah bagi hartanah pilihan mereka melalui penyediaan kit jualan dalam talian yang dikurasi khas oleh Sime Darby Property melalui platform digital Syarikat. Pasukan jualan Syarikat juga boleh dihubungi pada waktu pejabat, dimana mereka bekerja dari rumah untuk menjalankan aktiviti penjualan dan

pemasaran dalam talian sementara galeri jualan ditutup sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh ini.

Ikuti perkembangan terkini aktiviti dan pembangunan Sime Darby Property di laman web www.simedarbyproperty.com, Facebook (www.facebook.com/SimeDarbyProperty), Instagram (www.instagram.com/SimeDarbyProperty) dan aplikasi mudah alih Sime Darby Property (boleh dimuat turun dari Apple Store dan Google Play).

**Tertakluk kepada terma dan syarat.*

--SIARAN AKHBAR TAMAT--

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan kadar kejayaan yang kukuh dalam membangunkan komuniti lestari selama lebih dari 48 tahun. Dengan 24 bandar dan pembangunan yang aktif, Sime Darby Property mempunyai jangkauan luas yang merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property menandakan kehadirannya di UK melalui penglibatannya sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia untuk membangunkan Projek Stesen Janakuasa Battersea di London.

Sebagai ahli korporat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property dan kumpulan dermawannya Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai usaha untuk membantu komuniti kurang berkemampuan yang tinggal di dalam dan berdekatan kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang memenangi pelbagai anugerah dengan pelbagai penghargaan antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property ialah satu-satunya pemaju hartanah di Malaysia yang telah diiktiraf oleh Carbon Disclosure Project untuk inisiatif pengurusan karbon dan inisiatif syarikat dalam melibatkan pihak-pihak berkepentingan.

Ia merupakan pemaju hartanah Malaysia yang pertama dianugerahkan dengan FIABCI Prix d'Excellence sebanyak dua kali untuk bandar Subang Jaya dan UEP Subang Jaya. Syarikat ini meraih emas yang ke-10 secara berturut-turut di Putra Brand Awards 2019 dan yang ke-9 di Top 10 Developers Awards di BCI Asia 2020. Sime Darby Property juga telah diiktiraf sebagai salah satu pemaju hartanah teratas di Malaysia di dalam The Edge Top Property Developers Awards tahunan, satu pengiktirafan yang sering diterima oleh syarikat ini secara konsisten sejak 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati www.simedarbyproperty.com

Untuk pihak media, sila hubungi: Sharmila Nair | +6012-617 7860 | sharmila.nair@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan umum, sila emelkan ke: group.communications@simedarbyproperty.com